

Dataprep pulih

DATAPREP Holdings Bhd mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM665,000 bagi suku kedua berakhir 30 September 2004, iaitu peningkatan sebanyak 113 peratus berbanding dengan kerugian sebanyak RM5.082 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Syarikat itu berkata, pemulihan positif itu adalah disebabkan sokongan yang menggalakkan daripada pasukan pengurusan, yang mentafsir tumpuan strategik bagi syarikat dan menyelesaikan isu operasi masa lalu.

Selain mengekalkan persaingan kos dan meneruskan mutu yang tinggi, mereka sekarang menumpukan kepada tiga unit perniagaannya yang utama. Ketiga-tiga unit itu adalah Perkhidmatan Pengurusan Rangkaian, Penyumberan Luar Teknologi Maklumat dan Perkhidmatan Pengurusan, dan Perkhidmatan Perundingan dan Integrasi.